

GEN.Y

EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN

E-MEL : noorazam@mediaprima.com.my

FAKS : 03-20567083/7084



SEBAHAGIAN peserta terdiri daripada mahasiswa pelbagai universiti.

SIMPOSIUM BERTARAF DUNIA

Galak pelapis industri buat penyelidikan dan meluaskannya ke peringkat lebih tinggi



Shuhada Mansor
gen.y@hmetro.com.my

Buat julung kalinya, Fakulti Pengajian Media Universiti Teknologi MARA Shah Alam (UiTM) mencipta sejarah sebagai universiti pertama di Malaysia menganjurkan Simposium Kajian Perhubungan Awam Antarabangsa di Dewan Sri Budiman, Shah Alam.

Acara berprestij itu turut

mendapat sokongan dua badan berpengaruh lain iaitu Institut Perhubungan Awam Amerika Syarikat (IPR) dan Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM).

Bertemakan 'A Spectrum of Opportunities for Public Relations Research in the Fourth Industrial Revolution', simposium ini menampilkan dua personaliti terkemuka Amerika Syarikat iaitu Presiden IPR Dr Tina dan Pengarah Pendidikannya Dr Sarab Kochhar.

DISERTAI 350 PENUNTUT

Lebih 350 pelajar dan ahli akademik dari 19 universiti tempatan berkongsi ilmu dalam simposium ini. Antaranya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains



PELANCARAN program oleh Dr Azizul dan Dr Tina (dua dari kiri).

Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Limkokwing University.

Antara isi simposium ialah menggalakkan pelapis industri untuk melakukan penyelidikan dan meluaskannya ke peringkat lebih tinggi.

Ini kerana penyelidikan yang berkualiti mampu menghadapi cabaran selain membuka peluang lebih luas kepada pengamalannya dalam bidang komunikasi.

Menurut Dr Sarab, di dalam era komersial dan kapitalis seperti hari ini, sangat

penting bagi pengamal perhubungan awam untuk mempertahankan integriti bagi mengekalkan kerelevanan seseorang ahli profesional yang efektif.

KELILING DUNIA

Sejarah telakar bagi warga UiTM khususnya kerana diberi peluang menganjurkan satu acara yang turut mendapat perhatian daripada pengamal lain seluruh dunia.

Difahamkan simposium ini sebelumnya berlangsung di beberapa negara seperti Hong Kong, New York, London dan Singapura.

Acara yang padat dengan pengisian idea dan perkongsian kajian daripada pelbagai pihak ini dirasmikan Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM Profesor Dr Azizul Halim Yahya.

"Pengamal perhubungan awam seharusnya tidak ketinggalan di dalam industri revolusi keempat.

"Diharapkan simposium ini mampu menyatupadukan pelajar komunikasi sekali gus menjadi medium untuk berkongsi ilmu yang seharusnya diteruskan pada masa akan datang," kata Dr Azizul.